



## KENYATAAN MEDIA STATISTIK TENAGA BURUH, MALAYSIA, APRIL 2022

**Kadar pengangguran April menurun kepada 3.9 peratus, di bawah 4.0 peratus buat kali pertama sejak pandemik COVID-19**

**PUTRAJAYA, 09 Jun 2022** – Kadar pengangguran April menurun kepada 3.9 peratus, di bawah 4.0 peratus buat kali pertama sejak pandemik COVID-19, Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) melaporkan hari ini dalam siaran **Statistik Tenaga Buruh, Malaysia, April 2022**. Statistik ini memperihalkan kedudukan penawaran buruh bulanan berdasarkan Survei Tenaga Buruh yang dilaksanakan oleh DOSM.

Mengulas prestasi keseluruhan bagi April 2022, Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin, Ketua Perangkawan Malaysia berkata, “Aktiviti ekonomi terus berkembang berikutan Malaysia membuka semula sempadan antarabangsa pada awal bulan tersebut. Justeru, kedudukan tenaga buruh pada April 2022 terus mengukuh dengan peningkatan sebanyak 0.4 peratus bulan ke bulan kepada 16.50 juta orang (Mac 2022: 16.44 juta orang). Oleh itu, kadar penyertaan tenaga buruh meningkat sebanyak 0.2 mata peratus kepada 69.4 peratus (Mac 2022: 69.2%), menunjukkan lebih banyak penyertaan buruh dalam pasaran. Situasi yang menggalakkan ini adalah berikutan peningkatan guna tenaga yang berterusan manakala pengangguran kekal pada trend yang menurun.”

Selanjutnya, Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin berkata, “Penduduk bekerja kekal pada trend positif dengan peningkatan bulan ke bulan sebanyak 0.5 peratus merekodkan 15.85 juta orang pada April 2022 (Mac 2022: 15.77 juta orang). Sementara itu, bilangan penganggur kekal pada trend menurun bagi sembilan bulan berturut-turut, mencatatkan penurunan sebanyak 3.0 peratus kepada 649.3 ribu orang (Mac 2022: 669.2 ribu orang). Justeru, kadar pengangguran turun di bawah kadar 4.0 peratus buat kali pertama merekodkan 3.9 peratus (Mac 2022: 4.1%) setelah dua tahun pandemik COVID-19 melanda negara ini.”

Mengulas lanjut mengenai situasi guna tenaga, Ketua Perangkawan berkata, “Kategori pekerja yang merangkumi komposisi terbesar jumlah penduduk bekerja iaitu sebanyak 76.3 peratus, meningkat 0.3 peratus bulan ke bulan kepada 12.09 juta orang (Mac 2022: 12.06 juta orang). Begitu juga, penduduk bekerja sendiri terus bertambah sebanyak 1.2 peratus kepada 2.72 juta orang pada April 2022

(Mac 2022: 2.69 juta orang). Peningkatan ini sebahagiannya adalah disebabkan oleh lebih banyak aktiviti perniagaan sempena sambutan Ramadan dan persiapan menjelang Aidilfitri pada bulan tersebut selari dengan pembukaan semula sempadan antarabangsa yang menggalakkan sektor pelancongan dan industri berkaitan pelancongan untuk meneruskan aktiviti mereka.”

Mengikut sektor ekonomi, bilangan penduduk bekerja dalam sektor Perkhidmatan terus mengekalkan trend positif terutamanya dalam subsektor Perdagangan borong & runcit; Perkhidmatan makanan & minuman dan Aktiviti kesihatan kemanusiaan & kerja sosial. Bilangan penduduk bekerja dalam sektor Pembuatan dan Pembinaan juga terus meningkat. Sektor Pertanian mencatatkan peningkatan dalam bilangan penduduk bekerja pada April buat kali pertama setelah 22 bulan berturut-turut berada dalam trend menurun bulan ke bulan. Sementara itu, sektor Perlombongan & pengkuarian terus merekodkan penurunan dalam guna tenaga.

Mengulas lanjut mengenai situasi pengangguran pada bulan tersebut, Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin berkata, “Sebahagian besar daripada mereka yang menganggur adalah penganggur aktif atau mereka yang bersedia untuk bekerja dan aktif mencari pekerjaan. Kategori ini yang merangkumi 83.6 peratus daripada jumlah penganggur, mencatatkan penurunan sebanyak 3.2 peratus kepada 542.9 ribu orang (Mac 2022: 561.0 ribu orang). Daripada jumlah penganggur aktif, 58.1 peratus adalah mereka yang menganggur kurang daripada tiga bulan, manakala 7.1 peratus adalah mereka yang berada dalam pengangguran jangka panjang melebihi setahun. Sementara itu, mereka yang percaya tiada pekerjaan tersedia atau penganggur tidak aktif terus menurun sebanyak 1.6 peratus mencatatkan 106.4 ribu orang (Mac 2022: 108.1 ribu orang).”

Kadar pengangguran bagi belia berumur 15 hingga 24 tahun berkurang sebanyak 0.3 mata peratus kepada 12.8 peratus dengan bilangan belia yang menganggur menurun sebanyak 1.1 peratus kepada 357.2 ribu orang (Mac 2022: 361.0 ribu orang). Begitu juga, kadar pengangguran bagi belia berumur 15 hingga 30 tahun menurun sebanyak 0.3 mata peratus kepada 7.7 peratus, dengan penurunan bilangan penganggur belia sebanyak 0.2 peratus kepada 501.2 ribu orang (Mac 2022: 8.0%; 502.4 ribu orang).

Berikutan fasa peralihan Malaysia ke endemik pada April 2022, bilangan kumpulan tidak aktif atau luar tenaga buruh terus menurun sebanyak 0.5 peratus merekodkan sebanyak 7.27 juta orang (Mac 2022: 7.31 juta orang). Komposisi terbesar luar tenaga buruh adalah kerja rumah/tanggungjawab keluarga dengan 42.0 peratus dan diikuti oleh kategori bersekolah/ latihan (40.6%).

Merumuskan kenyataan beliau pada hari ini, Ketua Perangkawan berkata, “Tinjauan ekonomi yang lebih positif dapat dilihat susulan negara sedang dalam fasa peralihan ke endemik. Peningkatan jumlah permohonan oleh majikan bagi pekerja bukan

warganegara berikutan pembukaan semula sempadan antarabangsa negara dijangka akan dapat mengurangkan isu kekurangan guna tenaga terutamanya dalam sektor Pembinaan dan Pertanian; dan seterusnya akan merangsang lagi kedudukan pasaran buruh negara. Selain itu, aliran masuk pelancong asing juga boleh menyumbang kepada pemulihan semula industri pelancongan terutamanya dalam subsektor penginapan. Selain daripada kesan negatif akibat susut nilai Ringgit Malaysia berbanding Dolar AS terhadap ekonomi, ia mungkin akan memberikan kesan positif terhadap sektor pelancongan dari segi kos yang lebih rendah bagi pelancong dan ia akan menjadikan negara ini sebagai destinasi percutian pilihan. Perbelanjaan pelancong juga dapat membantu perniagaan kecil untuk pulih setelah dua tahun berdepan kesukaran akibat pandemik tersebut. Situasi ini dilihat akan membuka lebih banyak peluang pekerjaan berikutan aktiviti perniagaan memerlukan lebih ramai pekerja untuk menampung permintaan barang dan perkhidmatan yang semakin meningkat. Oleh itu, pasaran buruh dijangka akan terus berdaya tahan pada bulan-bulan akan datang.”


Data siri masa serta maklumat lanjut berkaitan pasaran buruh boleh diperolehi melalui *dashboard Malaysia Labour Market Interactive Data (MyLMID)*. Sila layari <https://mbls.dosm.gov.my/mylmid/> untuk maklumat lanjut atau imbas kod QR di bawah.




Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) sedang menjalankan Survei Pendapatan, Perbelanjaan Isi Rumah dan Kemudahan Asas (HIES/BA) 2022 bermula dari 1 Januari 2022 sehingga 31 Disember 2022 dan Survei Ekonomi Tahunan 2022 (AES 2022) bermula 15 April sehingga 30 September 2022. DOSM amat menghargai kerjasama daripada responden yang terpilih untuk memberikan maklumat kepada DOSM serta menjayakan survei ini. Sila layari [www.dosm.gov.my](http://www.dosm.gov.my) untuk maklumat lanjut.

DOSM juga menerbitkan statistik ekonomi dan sosial iaitu PocketStats yang mengandungi statistik suku tahunan dan tahunan yang boleh diperoleh dari portal DOSM atau melalui pautan <https://bit.ly/PocketStatsS1> 2022.

**Carta 1: Pengangguran, Malaysia, Jan 2020 - April 2022**



**Carta 2: Luar tenaga buruh, Malaysia, Januari 2020 - April 2022**



Dikeluarkan oleh:

**PEJABAT KETUA PERANGKAWAN MALAYSIA**

**JABATAN PERANGKAAN MALAYSIA**

**09 JUN 2022**



**MEDIA STATEMENT  
STATISTICS OF LABOUR FORCE, MALAYSIA,  
APRIL 2022**

***April's unemployment rate dipped to 3.9 per cent, below 4.0 per cent for the first time since the COVID-19 outbreak***

**PUTRAJAYA, 09 June 2022** – April's unemployment rate dipped to 3.9 per cent, below 4.0 per cent for the first time since the COVID-19 outbreak, the Department of Statistics Malaysia (DOSM) reported today in the release on **Statistics of Labour Force, Malaysia, April 2022**. The statistics described the monthly labour supply situation based on the Labour Force Survey conducted by DOSM.

*Explaining the overall performance for April 2022, Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin, the Chief Statistician Malaysia said, “Economic activities continued to flourish as Malaysia reopened the international borders at the beginning of the month. Thus, the labour force condition in April 2022 strengthened further with a surge of 0.4 per cent month-on-month to 16.50 million persons (March 2022: 16.44 million persons). Accordingly, the labour force participation rate edged up by 0.2 percentage points to 69.4 per cent (March 2022: 69.2%), indicating more labour participation in the market. The encouraging situation was due to the continuous increase in employment while the unemployment remained on a declining trend.”*

*Adding to this, Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin said, “Employed persons remained on a positive trend with a month-on-month increase of 0.5 per cent to record 15.85 million persons in April 2022 (March 2022: 15.77 million persons). In the meantime, the number of unemployed persons continued to trend down for nine consecutive months, registering a decrease of 3.0 per cent to 649.3 thousand persons (March 2022: 669.2 thousand persons). Hence, the unemployment rate declined to below 4.0 per cent for the first time to record 3.9 per cent (March 2022: 4.1%) after two years of COVID-19 pandemic in the country.”*

*Elaborating further on the employment situation, the Chief Statistician said, “The employee's category which made up the largest composition of employed persons at 76.3 per cent, improved by 0.3 per cent month-on-month to 12.09 million persons (March 2022: 12.06 million persons). Similarly, the own-account workers continued to rise by 1.2 per cent to 2.72 million persons in April 2022 (March 2022: 2.69 million persons). The increase was partly due to more business activities in conjunction with the celebration of Ramadan and preparation for Aidilfitri during the month parallel with the reopening of international border which encouraged the tourism sector and*

*tourism-related industries to resume their activities.”*

*By economic sector, the number of employed persons in Services sector sustained the positive trend particularly in Wholesales & retail trade; Food & beverages services and Human health & social work activities. The number of employed persons in Manufacturing and Construction sectors also continued to increase. The Agriculture sector recorded an increase in the number of employed persons for the first time in April after 22 consecutive months of month-on-month decline. In the meantime, the Mining & quarrying sector continued to record a reduction in employment.*

*Commenting the unemployment situation during the month, Dato’ Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin said, “Most of the unemployed persons were the actively unemployed or those who were available for work and were actively seeking jobs. This category which comprised 83.6 per cent of unemployed persons, registered a decline of 3.2 per cent to 542.9 thousand persons (March 2022: 561.0 thousand persons). Out of the total actively unemployed, 58.1 per cent were unemployed for less than three months, while 7.1 per cent were those who were in long-term unemployment of more than a year. Meanwhile, those who believed that there were no jobs available or inactively unemployed continued to decrease by 1.6 per cent registering 106.4 thousand persons (March 2022: 108.1 thousand persons).”*

*The unemployment rate for youth aged 15 to 24 years edged down by 0.3 percentage points to 12.8 per cent with the number of unemployed youths lessened by 1.1 per cent to record 357.2 thousand persons (March 2022: 361.0 thousand persons). Likewise, the unemployment rate for youth aged 15 to 30 years decreased by 0.3 percentage points to 7.7 per cent, with a decline of 0.2 per cent of the number of unemployed youths to 501.2 thousand persons (March 2022: 8.0%; 502.4 thousand persons).*

*Following Malaysia’s shift into the phase of transition to endemic in April 2022, the number of inactivity group or persons of outside labour force continued to decline by 0.5 per cent to 7.27 million persons (March 2022: 7.31 million persons). The largest composition of outside labour force was housework/ family responsibilities with 42.0 per cent and followed by schooling/ training category (40.6%).*

*Concluding his statement, the Chief Statistician said, “A more positive economic outlook is observed as the country moved into the phase of transition to endemic. The increase in employers’ applications for non-citizen employment following the reopening of the country’s international borders is anticipated to be able to ease the labour shortages issues especially in the Construction and Agriculture sectors; and subsequently further stimulate the country’s labour market situation. Furthermore, the inflow of international tourists could also contribute to the revival of the tourism industry particularly in the accommodation sub-sector. Besides the negativity of the depreciation of the Malaysian Ringgit against the US Dollar towards the economy, it*

may initiate a positive impact on the tourism sector in terms of lower cost for tourists and it will make the country as a preferred holiday destination. Tourists spending also may facilitate small businesses to rebound after a two-year period of difficulties due to the pandemic. This situation is seen to open up more job opportunities since business activities require more workers to accommodate the growing demand for goods and services. Thus, the labour market is foreseen to be able to sustain its resiliency in the months to come."


Time series data and more information on the labour market can be obtained through the Malaysia Labour Market Interactive Data (MyLMID) dashboard. For more information, please visit <https://mbls.dosm.gov.my/mylmid/> or scan the QR code below.




The Department of Statistics Malaysia (DOSM) is conducting the Household Income, Expenditure and Basic Amenities Survey (HIES/BA) 2022 from 1<sup>st</sup> January 2022 to 31<sup>st</sup> December 2022 and the Annual Economic Survey 2022 (AES 2022) from 15<sup>th</sup> April 2022 to 30<sup>th</sup> September 2022. DOSM greatly appreciates the cooperation given by selected respondents by sharing their information with DOSM and making the survey a success. Please visit [www.dosm.gov.my](http://www.dosm.gov.my) for more information

DOSM also released economic and social statistics, namely PocketStats which contain quarterly and annual statistics that can be obtained from the DOSM portal or via the link <https://bit.ly/PocketStatsQ1> 2022.

**Chart 1: Unemployment, Malaysia, January 2020 - April 2022**



**Chart 2: Outside labour force, Malaysia, January 2020 - April 2022**



**Released by:**

**THE OFFICE OF CHIEF STATISTICIAN MALAYSIA**

**DEPARTMENT OF STATISTICS MALAYSIA**

**09 JUNE 2022**